

15 NOV 2002

Rencana: Produk Kampung

PROJEK SATU KAMPUNG SATU PRODUK AKAN DIBERI NAFAS BARU

Oleh: Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR: Projek Satu Kampung Satu Produk (SKSP) yang sedang diberi penekanan serius oleh kerajaan sejak akhir-akhir ini bukan sesuatu yang baru, tetapi sebaliknya merupakan suatu program lama yang cuba diberi nafas, pendekatan dan strategi baru.

Sebelum ini sudah dua kali projek seumpama itu diperkenalkan di negara ini, tetapi hasilnya agak mengecewakan.

Kegagalan itu sekali gus membantut usaha kerajaan menjadikan SKSP sebagai penjana kepada pertumbuhan ekonomi setempat serta membantu mengembangkan lagi industri pelancongan.

Tinjauan Bernama di beberapa kampung di Kubang Pasu, Kedah di mana projek SKSP yang membabitkan penanaman buah-buahan dijalankan sejak kira-kira 10 tahun lepas mendapati kebanyakan kebun yang diusahakan menemui kegagalan. Ia mungkin berpunca daripada ketiadaan tindakan susulan jabatan-jabatan terbabit atau peserta sendiri merasakan pendapatan daripadanya tidak begitu menggalakkan.

Di antara tanaman yang diusahakan ialah tembikai, rambutan, cempedak, dokong, mempelam, durian dan limau bali.

Hanya projek tanaman limau bali di Kampung Nongka yang masih bertahan kerana pesertanya menjual sendiri hasilnya di tepi Lebuhraya Utara-Selatan dari Asun ke Bukit Kayu Hitam.

#### PERUSAHAAN MEMBUAT TANGKI

Bagaimanapun, terdapat satu industri kecil di bawah SKSP Kubang Pasu yang boleh dianggap berjaya iaitu perusahaan membuat tangki menyimpan petroleum bawah tanah, tangki air kumbahan, tangki najis dan komponen-komponen lain. Produk yang berasaskan gentian kaca itu diusahakan oleh Pembinaan Jaya Bumi (Sarawak) Berhad (PJS) di Kampung Wang Tepus, Jitra sejak Oktober 1992.

Projek itu diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpandu kepada konsep SKSP yang dilancarkan oleh Gabenor Hiramatsu dari Oita Prefecture, Jepun pada tahun 1979. Ia merupakan sebahagian daripada usaha Perdana Menteri untuk membangunkan daerah Kubang Pasu.

Pengarah PJS, Encik Mohamad Sham berkata, Projek yang diharap dapat membantu membasmi kemiskinan di daerah berkenaan diselaraskan bersama oleh Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Menurutnya, pejabat PJS di Wang Tepus menjadi pusat pentadbiran, penyeliaan dan penyimpanan komponen tangki-tangki yang sudah siap dihasilkan oleh penduduk kampung berhampiran.

Mohamad berkata, sebuah lagi pejabat PJS yang terletak di Sungai Petani menjadi pusat penyeliaan kerja-kerja membuat tangki kumbahan dan pemasangan komponen-komponen produk yang dihasilkan di Wang Tepus.

Beliau berkata, kebanyakan tangki yang dihasilkan oleh PJS adalah untuk kegunaan dalam negeri di samping memenuhi permintaan daripada resort di Pulau Batam, Indonesia, kegunaan misi pasukan tentera Malaysia di Bosnia tidak lama dulu dan di Hong Kong.

#### BENGGEL SEKITAR RUMAH

Katanya, kerja-kerja menghasilkan tangki atau komponen produk PJS dilakukan oleh penduduk kampung di bengkel-bengkel di sekitar rumah masing-masing dengan menggunakan bahan serta acuan yang disediakan oleh

syarikat. Bayaran atau upah dibuat mengikut kemampuan mereka menghasilkan tangki atau komponennya.

Kini terdapat 56 bengkel seumpama itu yang dimiliki penduduk kampung, membabitkan 156 peserta.

Salah seorang peserta, Awang bin Said, 65, berkata, beliau terlibat dengan kerja-kerja itu sejak dimulakan 10 tahun lepas dan pernah berkursus selama dua hari mengenainya di kilang PJS di Sungai Petani.

Awang yang dulunya menoreh getah kini menceburkan diri dalam bidang pembuatan tangki itu secara sepenuh masa di bengkel belakang rumahnya bersama isteri, anak dan anak saudaranya.

Menurut Awang, beliau memperolehi pendapatan kira-kira RM500 sebulan daripada pengusahaan seumpama itu, selepas ditolak bahagian anggota keluarganya yang lain yang turut terbabit.

Satu lagi projek SKSP Kubang Pasu yang boleh dianggap berjaya ialah perusahaan membuat tuala di Kampung Napo yang dimulakan pada Mac lepas.

Pengasas Yayasan Pembangunan Wanita Malaysia (YW) Senator Datuk Nor Azah Awin berkata, pada awal penubuhannya pada 1998, perusahaan yang dijalankan oleh yayasan itu ialah penghasilan bakul oleh ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Bengkel untuk kerja-kerja penghasilan produk itu terletak di Pusat IKS KEDA di kampung berkenaan.

#### OPERASI BERSAMA KEDA

Nor Azah berkata, syarikat milik YW yang menjalankan aktiviti itu beroperasi secara bersama dengan Lembaga Kemajuan Kedah (KEDA) untuk tujuan pameran dan latihan pembangunan usahawan tempatan.

Di bawah fasa pertamanya, syarikat itu memberi tumpuan kepada kerja-kerja menjahit dan menyulam tuala sahaja. Kira-kira 90 peratus daripada 30 pekerja syarikat, yang semuanya penduduk setempat, adalah wanita.

Fasa kedua merupakan kerja-kerja memotong dan menjahit membabitkan 70 orang pekerja, sementara fasa ketiga iaitu menenun dan mewarna sehingga menjadi tuala akan membabitkan 130 pekerja. Kilang itu dijangka beroperasi sepenuhnya dalam tempoh setahun lagi.

Menurut Nor Azah, khidmat pelajar UiTM juga akan digunakan bagi memberi corak yang lebih menarik kepada tuala yang dihasilkan.

YW pada Ogos lepas telah menandatangani kontrak membekalkan 180,000 helai tuala selama lima tahun kepada Tentera Laut Diraja Malaysia.

Pada bulan ini pula, YW akan membekalkan 5,000 set tuala mandi, tuala muka dan tuala tangan ke Afrika Selatan atas permintaan Parti Kongres Kebangsaan Afrika.

Di samping itu, syarikat YW turut berunding dengan Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan tuala dengan gambar-gambar duit siling sebagai cenderamata bagi bank berkenaan.

Selain kontrak dengan Kementerian Pertahanan, syarikat juga berusaha memasarkan produknya ke di hotel-hotel, pasaraya dan kompleks membeli belah di seluruh negara.

#### SKSP MEMANFAATKAN PENDUDUK

Kewujudan kilang YW di bawah program SKSP itu ternyata memberi kelegaan kepada penduduk berhampiran yang bekerja dengannya, walaupun gaji bulanannya hanya kira-kira RM500.

Cik Hasni Ibrahim, 20, berkata, selain dapat bekerja tidak jauh dari rumah, beliau gembira dengan pendapatan yang diperolehi daripada kilang itu yang dikira sudah memadai bagi kawasan luar bandar.

Melihat kepada potensi besar yang ada pada program SKSP, Kerajaan bercadang untuk melancarkannya semula, juga mungkin di salah sebuah daerah

di Kedah tidak lama lagi, membabitkan kerjasama di antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pertanian.

Cadangan untuk menghidupkan semula program itu timbul selepas Dr Mahathir Mohamad melawat Chiang Mai, Thailand, awal Julai lepas.

Dr Mahathir yang berpeluang meninjau kilang seramik dan bengkel anyaman buluh di Charieng serta kilang kertas Sa di daerah Sankampaeng ternyata begitu kagum dengan kerajinan dan kejayaan SKSP yang diusahakan oleh rakyat negara jiran itu.

Sa ialah sejenis pokok seakan-akan pohon mulberi yang kulitnya boleh diproses menjadi bingkai gambar, album, kulit buku dan bunga hiasan.

#### PM SYOR LAWAT THAILAND

Perdana Menteri mencadangkan para petani dan nelayan dari negara ini wajar dihantar ke Thailand untuk menyaksikan sendiri kejayaan program SKSP yang dilaksanakan rakyat negara itu.

Susulan daripada saranan Dr Mahathir itu, satu perbincangan telah diadakan, membabitkan semua ketua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Seorang jurucakap kementerian itu berkata, mesyuarat itu telah mengenalpasti beberapa perusahaan kecil yang patut diaktifkan semula kerana produknya mempunyai potensi yang baik untuk pasaran dalam dan luar negara.

Menurut rancangan, para petani dan nelayan yang terbabit bukan sahaja boleh menjadi sebahagian daripada antara 10 dan 100 tenaga kerja yang diperlukan oleh setiap perusahaan itu, tetapi juga melabur dan seterusnya memiliki industri itu yang akan diuruskan secara profesional.

Di antara penghasilan produk yang dikenalpasti di bawah projek itu ialah bunga daun getah oleh RISDA, ukiran kraftangan Orang Asli di Pulau Carey, Selangor, kraftangan anyaman kaum Murut di Sabah dan labu Sayong di Perak.

Katanya, Felcra akan dilantik sebagai agen untuk memasarkan barangan berkenaan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid ketika melawat projek PJS di Wang Tepus 12 Oktober lepas berkata, walaupun usaha-usaha SKSP sebelum ini gagal, ini tidak bermakna ia tidak dapat diteruskan dengan pendekatan baru secara komersial.

Menurutnya, yang penting bagi sesuatu produk makanan atau kraftangan yang hendak dihasilkan ialah cara pemasarannya dan rekabentuk yang menarik.

-- Bernama

HT AM